

226

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL

SOALAN : NO. 489

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian telah menyiapkan Laporan Kajian Pengesahan Graduan 2017 dan jika belum diterbitkan nyatakan mengapa, dan status terkini siswazah menganggur, jumlah kumulatif siswazah menganggur dalam tempoh 2007-2017 dan apakah langkah Kementerian bagi mengatasi masalah pengangguran mereka itu dan sejauh mana pemantauan terhadap langkah yang diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Sistem Kajian Pengesahan Graduan (SKPG 2017), dalam tempoh 11 tahun sejak 2007 hingga 2017, jumlah siswazah yang belum mendapat pekerjaan semasa tahun konvokesyen adalah 513,844 orang daripada 2.12 juta graduan. Peratusan graduan yang berstatus belum bekerja ini telah menurun sebanyak 5.6 peratus dalam tempoh 11 tahun iaitu 20.9 peratus pada tahun 2017 berbanding 26.5 peratus pada tahun 2007.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memperkuuhkan lagi kadar kebolehpasaran graduan menjelang Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memperkenalkan pelbagai inisiatif dalam usaha memastikan sistem pendidikan tinggi sentiasa maju ke hadapan dan selari dengan kepentasan

perkembangan dunia teknologi masa kini. Antaranya, kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) tradisional akan ditransformasikan kepada PdP 4.0 melalui strategi berikut:

- a. Pelaksanaan pedagogi abad ke-21 antaranya melibatkan interaksi pelajar dan pensyarah menggunakan kaedah huetagogi, paragogy dan cybergogy.
- b. Mereka bentuk semula ruang pembelajaran termasuk memperkenalkan aktiviti kuliah melalui *learning avatar* iaitu tanpa perlu berada di dewan kuliah dan pentaksiran tanpa peperiksaan;
- c. Menawarkan 30% kurikulum boleh lentur dan organik (*Fluid and Organic Curriculum*);
- d. Bagi memastikan program akademik UA yang ditawarkan lestari dan semasa, pada tahun 2017 KPT telah menjumudkan, membekukan dan melupuskan program akademik yang tidak relevan dengan keperluan industri atau berdaya saing. Hasil daripada analisi terpenciri KPT dan proses dalaman UA, sebanyak 30.78% program akademik UA telah dijumudkan, dibekukan dan dilupuskan untuk penawaran;
- e. Penggunaan teknologi PdP terkini termasuk menetapkan sasaran *Blended Learning* dan pembelajaran terbantu robotik serta penggunaan beberapa kaedah baharu. Antara kaedah baharu termasuk *artificial intelligence*, *gamification*, *hologram*, *virtual reality*, *visualization* dan sebagainya; dan

- f. Pengenalan Program Pemantapan Perkembangan Profesional ke arah mempersiapkan pensyarah bagi mendepani cabaran 4.0.

Di samping itu, KPT turut memperkuatkan program sedia ada melalui inisiatif mereka bentuk semula pendidikan tinggi di mana ia merangkumi pelbagai program yang memenuhi keperluan IR 4.0 seterusnya memastikan kebolehpasaran graduan terus dapat ditingkatkan. Antaranya ialah dengan pelaksanaan iCGPA, 2u2i, Gap Year, CEO@Faculty, penawaran program dwi ijazah dan pelaksanaan *Malaysia English Assessment (MEA)*.

Program berkenaan telah dibuktikan keberkesanannya berdasarkan rekod pada tahun 2017, kadar kebolehpasaran telah meningkat kepada 79.1% iaitu meningkat sebanyak 4.1% berbanding tahun 2013. Ia menunjukkan strategi KPT berada di landasan yang tepat bagi mencapai objektif kadar kebolehpasaran graduan melebihi 80% menjelang tahun 2020.